

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
[TANJONG KARANG]**

TARIKH : 28 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 4

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah benar pengusaha bas charter tidak lagi dibenarkan memperbaharui permit mereka. Jika benar, apakah rasionalnya permit bas tidak boleh diperbaharui.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) sedang mengkaji keperluan sama ada untuk meneruskan atau menamatkan perkhidmatan kelas lesen bas cartar. Ini adalah kerana kelas lesen cartar pada asalnya diadakan bagi mewujudkan bas gantian kepada bas kelas lesen yang lain sekiranya terdapat kerosakan. Ini berpunca daripada lesen kenderaan bas yang dikeluarkan bagi sesuatu bas hanya tertakluk satu laluan sahaja bagi sebuah bas. Oleh itu, konsep rangkaian terbuka telah diperkenalkan menerusi Lesen Pengendali, di mana bas boleh menjalankan operasi di mana-mana laluan yang tersenarai di dalam permit perkhidmatan. Ini bagi memudahkan pengendali bas untuk menggantikan kenderaan yang rosak dengan bas dari laluan yang lain tanpa memerlukan penyewaan bas cartar. Dengan ini, keperluan kelas lesen bas cartar tidak lagi diperlukan.

NO. SOALAN : 4

2. Sejak kebelakangan ini pengoperasian kelas lesen bas catar telah mengganggu perkhidmatan kelas lesen bas yang lain kerana sifat dan lesen kelas bas catar ini agak longgar berbanding kelas lesen bas yang lain. Oleh itu, APAD telah bertemu dengan persatuan pengendali bas catar bagi mendapatkan pandangan mereka. Persatuan juga menyatakan bahawa mereka tidak lagi menggunakan bas catar tersebut untuk menggantikan kenderaan yang rosak tetapi mereka menggunakan kelas lesen tersebut untuk perkhidmatan sewaan khas dari pengguna. Ini merupakan punca pendapatan kepada pengendali bas catar tersebut. Oleh itu, APAD sedang mengkaji keperluan dan syarat kelas lesen bas catar seperti yang dinyatakan di atas.

3. Buat masa ini, langkah-langkah berikut diambil sementara kajian selesai dibuat:

- a. Menggalakkan pemegang Lesen Pengendali (OL) dan Permit Kenderaan (VP) yang telah tamat tempoh untuk melakukan migrasi ke mana-mana kelas lesen bas yang lain tertakluk kepada syarat dan dasar yang telah ditetapkan bagi kelas lesen tersebut;
- b. Membenarkan mana-mana pemegang Lesen Pengendali (OL) dan Permit Kenderaan (VP) yang telah tamat tempoh untuk memperbaharui OL dan VP sehingga mencapai had usia kenderaan sekiranya mereka tidak berhasrat untuk melakukan migrasi. Bagi kenderaan yang lewat membaharui, permohonan lewat membaharui adalah masih dibenarkan;
- c. Membenarkan mana-mana kenderaan yang telah mencapai had usia kenderaan untuk melanjutkan penggunaan kenderaan sehingga satu (1) tahun sahaja; dan
- d. Membekukan proses gantian kenderaan yang telah mencapai had usia penggunaan dan kenderaan tersebut diberikan tempoh lanjutan selama satu (1) tahun untuk terus beroperasi sementara menunggu hasil kajian syarat bas catar yang baharu tersebut diputuskan.

Sekian, terima kasih.